Gazetted areas with their adjoining built-up areas which had a combined population of 10,000 or more at the time of the 2000 Census. Built-up areas were areas contiguous to a gazetted area and had at least 60 per cent of their population (aged 10 years and over) engaged in non-agricultural activities as well as having modern toilet facilities in their housing units.

Definisi Banci 2010

Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk seramai 10,000 atau lebih. Kawasan tepubina didefinisikan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan dengan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

2010 Census Definition

Gazetted areas with their adjoining built-up areas which had a combined population of 10,000 or more. Built-up areas were defined as areas contiguous to a gazetted area and had at least 60 per cent of their population (aged 15 years and over) engaged in non-agricultural activities.

Kadar Kelahiran Kasar

Bilangan kelahiran hidup bagi setiap 1,000 penduduk.

Crude Birth Rate

Number of live births per 1,000 population.

Kadar Kematian Kasar

Bilangan kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Crude Death Rate

Number of deaths per 1,000 population.

Kadar Pertambahan Semulajadi Kasar

Lebih bilangan kelahiran setelah ditolak dengan Semulajadi Kasar bilangan kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Crude Rate of Natural Increase

The excess of live births over deaths per 1,000 population.

Kadar Mortaliti Bayi

Bilangan kematian bayi berumur kurang daripada 1 tahun bagi setiap 1,000 kelahiran hidup.

Infant Mortality Rate

Number of deaths aged below 1 year per 1,000 live births.

GUNA TENAGA

Tenaga Buruh

Tenaga Buruh merujuk kepada mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun (tahun genap pada hari lahir terakhir) semasa minggu rujukan, sama ada bekerja atau menganggur.

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 – 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus. Formulanya adalah seperti berikut:

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan penduduk penduduk dalam tenaga buruh mengikut sesuatu kategori yang tertentu}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja (15-64 tahun) dalam kategori yang sama}} \times 100$$

EMPLOYMENT

Labour Force

The Labour Force refers to those who, during the reference week, are in the 15 to 64 years age group (in completed years at last birthday) and who are either employed or unemployed.

Labour Force Participation Rates

Labour force participation rate is defined as the ratio of the labour force to the working age population (15 to 64 years), expressed as percentage. The formula is as follows:

$$\text{Labour force participation rate} = \frac{\text{The number of persons in the labour force in the specified category}}{\text{The number of persons in the working age (15-64 years) in the same category}} \times 100$$

Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, pekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).

Juga dianggap sebagai bekerja ialah orang-orang yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja. Termasuk juga mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

Mereka yang sedang bekerja dan bekerja kurang dari 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja mereka atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima beban kerja tambahan dianggap sebagai guna tenaga tidak penuh dan dimasukkan dalam kategori bekerja.

Employed

All persons who, at any time during the reference week worked at least one hour for pay, profit or family gain (as an employer, employee, own-account worker or unpaid family worker).

Also considered as employed were persons who did not work during the reference week because of illness, injury, disability, bad weather, leave, labour dispute and social or religious reasons but had a job, farm, enterprise or other family enterprise to return to. Also included are those on temporary layoff with pay who would definitely be called back to work.

Employed persons at work and who had worked less than 30 hours during the reference week because of the nature of their work or due to insufficient work and were able and willing to accept additional hours of work are considered underemployed but are nevertheless included in the "employed" category.

Menganggur

Kategori ini termasuk mereka yang menganggur secara aktif dan tidak aktif. Penganggur aktif termasuk mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu tersebut. Penganggur tidak aktif termasuk orang dalam kategori berikut:-

- (a) mereka yang tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan ataupun tidak berkelayakan,
- (b) mereka yang mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau cuaca buruk,
- (c) mereka yang menunggu jawapan permohonan pekerjaan, dan
- (d) mereka yang telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan.

Unemployed

This includes both actively and inactively unemployed persons. The actively unemployed include all persons who did not work during the reference week but were available for work and looking for work during the reference week. Inactively unemployed persons include the following categories:-

- (a) persons who did not look for work because they believed no work was available or that they were not qualified,*
- (b) persons who would have looked for work if they had not been temporarily ill or had it not been for bad weather,*
- (c) Persons who were waiting for results of job applications, and*
- (d) Persons who had looked for work prior to the reference week.*

Industri

Industri dikelaskan mengikut “Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008”, yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, berasaskan kepada “*International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4*”. Pengelasan industri seseorang merujuk kepada yang berkaitan dengan pekerjaan utama.

Pekerjaan

Pekerjaan dikelaskan mengikut klasifikasi “Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2008” berasaskan kepada “*International Standard Classification of Occupations (ISCO-88)*”.

Bagi seseorang yang mempunyai lebih daripada satu pekerjaan, hanya pekerjaan yang mengambil masa terbanyak semasa tempoh rujukan dianggap sebagai pekerjaan utamanya. Jika masa bekerja bagi tiap-tiap pekerjaan itu sama, maka pekerjaan yang menghasilkan pendapatan yang tertinggi adalah pekerjaan utamanya. Dalam kes di mana bilangan jam bekerja dan pendapatannya adalah sama bagi setiap pekerjaan, pekerjaan di mana dia telah bekerja paling lama dianggap sebagai pekerjaan utamanya.

Industry

Industry is classified according to the “Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008” published by the Department of Statistics, Malaysia based on the “International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4”. A person’s industry classification refers to that of his principal occupation.

Occupation

Occupation is classified according to the “Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO) 2008” based on the “International Standard Classification of Occupations (ISCO-88).

For a person having more than one job, only the job at which he worked for the longest number of hours during the reference week is treated as his principal occupation. Should the number of hours worked for each job be the same, then the job with the highest income is the principal occupation. In cases where the number of hours worked and the income earned from each job are the same, the job at which he was working for the longest period of time is considered as the principal occupation.

Perkhidmatan Pekerjaan Awam

Perkhidmatan ini diberikan oleh Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia. Ianya bertindak sebagai “clearing house” dalam pasaran tenaga buruh iaitu penempatan dalam pekerjaan untuk pencari-pencari kerja yang menganggur atau yang mencari kerja yang lebih baik dan juga sebagai punca kepada majikan-majikan. Data yang diberikan di dalam jadual-jadual merujuk kepada mereka yang berdaftar atau kekosongan yang dilaporkan oleh majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja.

Public Employment Service

This service is provided by the Employment Services Division, Labour Department, Ministry of Human Resources. It acts as a clearing house in the employment market, that is job placements for job seekers who are unemployed or are looking for better positions, and also as a source for recruitment of workers to employers. The data provided in the tables refer to those registered or vacancies reported by employers to the Labour Department.

PENDIDIKAN

Sekolah

Data sekolah yang diberikan di sini adalah meliputi sekolah-sekolah rendah dan menengah. Sekolah-sekolah tersebut terdiri daripada sekolah kerajaan, sekolah bantuan mission, sekolah bantuan jawatankuasa Cina, sekolah bantuan jawatankuasa Majlis Islam, sekolah bantuan bukan mission, sekolah Cina swasta dan sekolah swasta.

Pelajar-Pelajar/Murid-Murid

Data yang diberikan merujuk kepada bilangan pelajar-pelajar/murid-murid di sekolah rendah dan menengah. Pendidikan rendah biasanya bermula lebih kurang dari umur 6 tahun dan mengambil masa selama 6 tahun. Pada peringkat menengah kumpulan umur adalah lebih kurang 12 tahun hingga 19 tahun. Pendidikan pada peringkat menengah ini memberi pendidikan am atau pendidikan khas atau kedua-duanya. Pelajar-pelajar di tingkatan enam juga termasuk dalam kategori ini.

EDUCATION

Schools

Data on schools presented here covered both primary and secondary schools. The schools are comprised of government schools, aided mission schools, aided Chinese committee schools, aided Majlis Islam committee schools, aided non-mission schools, Chinese private schools and private schools.

Students/Pupils

The data shown are on the number of students/pupils both in the primary and secondary schools. Primary education normally starts at the age of about 6 years old and is for a period of 6 years. At the secondary level the age-group is about 12 to 19 years old. Education at this level provides general or specialised learning or both. Sixth Formers are also included in this category.

Guru-Guru

Bilangan guru yang diberikan di bahagian ini merujuk kepada guru-guru sepenuh masa. Termasuklah guru-guru terlatih dan tidak terlatih dan juga guru-guru tetap dan sementara.

Kolej Vokasional

Pendaftaran di kolej-kolej teknik merujuk kepada 6 kolej vokasional di Sarawak, iaitu K.V. Kuching, K.V. Sibul, K.V. Miri, K.V. Bintulu, K.V. Betong, dan K.V. Matang. Maklumat yang diberikan termasuk jenis kursus yang ditawarkan dan bilangan pelajar-pelajar mengikut jantina.

Sekolah Menengah Teknik

Pendaftaran di sekolah menengah teknik merujuk kepada 1 sekolah menengah teknik di Sarawak, iaitu S.M.T. Sejingkat. Maklumat yang diberikan termasuk jenis kursus yang ditawarkan dan bilangan pelajar-pelajar mengikut jantina.

Teachers

The number of teachers presented here refers to full-time teachers. Included are trained and untrained as well as permanent and temporary teachers.

Vocational Colleges

Enrolment in technical colleges refer to the 6 vocational colleges in Sarawak namely K.V. Kuching, K.V. Sibul, K.V. Miri, K.V. Bintulu, K.V. Betong and K.V. Matang. Information presented includes the type of courses offered and the number of students by sex.

Technical Secondary School

Enrolment in technical secondary school refer to the 1 technical secondary school in Sarawak namely S.M.T. Sejingkat. Information presented includes the type of courses offered and the number of students by sex.

Lain-Lain

Data tentang bilangan purata pelajar/murid bagi setiap guru dan bilangan purata pelajar/murid dan guru bagi setiap sekolah sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah adalah dikira berdasarkan angka-angka dari kedua-dua sekolah bantuan dan tanpa bantuan rendah dan menengah masing-masing. Maklumat ini juga dikira di peringkat daerah.

Others

Average number of students/pupils per teacher and average number of students/pupils and teachers per school, either in primary and secondary schools were calculated based on data from both the aided and unaided primary and secondary schools respectively. This information was also calculated at the district-level.

PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

Rumah Warga Tua

Terdapat enam institusi yang memberikan penjagaan dan keselesaan kepada orang tua yang daif dan memerlukan. Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu adalah institusi Kerajaan manakala Hun Nam Siang Tng Kuching, Simanggang Benevolent Society Sri Aman, Sibu Benevolent Society dan Miri Chinese Charitable Trust Board diuruskan oleh badan-badan sukarela dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan.

Perkhidmatan Akhlak

Terdapat tiga institusi yang memberikan perkhidmatan akhlak iaitu Sekolah Tunas Bakti Kuching, Sekolah Tunas Bakti (P) Mri dan Asrama Akhlak Kuching. Institusi-institusi ini diuruskan oleh Kerajaan. Objektif perkhidmatan ini ialah untuk menyediakan ahli masyarakat yang terpingang supaya dapat menyesuaikan diri semula ke dalam masyarakat.

WELFARE SERVICES

Home for the Aged

There are six institutions providing care and comfort to the aged who are poor and needy. The Home for the Aged Kuching and Sibu are run by the Government whereas Hun Nam Siang Tng Kuching, Simanggang Benevolent Society Sri Aman, Sibu Benevolent Society and Miri Chinese Charitable Trust Board are run by voluntary bodies with financial assistance from the Government.

Probation Service

The three institutions providing probation service are namely Sekolah Tunas Bakti in Kuching, Sekolah Tunas Bakti (F) in Miri and Asrama Akhlak in Kuching which are run by the Government. The objective of this service is to prepare the socially maladjusted for eventual integration into the community.

Perkhidmatan Jagaan Kanak-Kanak

Ada lima institusi yang memberikan perkhidmatan jagaan gantian untuk menjamin pertumbuhan jasmani, mental, emosi dan akhlak kanak-kanak tanggungan. Institusi-institusi tersebut ialah Rumah Kanak-Kanak Kuching dan Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol di Sri Aman yang diuruskan oleh Kerajaan manakala Salvation Army Boys' Home di Jalan Ban Hock dan Jalan Uplands, Kuching dan Methodist Children's Home di Sibu diuruskan oleh badan-badan sukarela dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan.

Perkhidmatan Orang Cacat

Terdapat enam institusi yang memberikan bantuan kepada anggota masyarakat yang cacat supaya berdikari dan membolehkan mereka menjadi lebih produktif dalam masyarakat sejajar dengan potensi mereka. Pusat Pemulihan Samarahan di Kota Samarahan diuruskan oleh Kerajaan manakala Pusat Orang Buta Kuching dan Sibu, Sarawak Cheshire Home, Kuching, Rumah Harapan Miri dan Persatuan Orang Pekak Sarawak diuruskan oleh badan-badan sukarela juga dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan.

Child Care Service

There are five institutions providing substitute care to ensure the physical, mental, emotional and moral development of dependent children. These institutions are namely Rumah Kanak-Kanak Kuching and Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol in Sri Aman which are run by the Government whereas the Salvation Army Boys' Home at Jalan Ban Hock and Jalan Uplands, Kuching and Methodist Children's Home in Sibu are run by voluntary bodies with financial assistance from the Government.

Handicapped Service

There are six institutions providing assistance to the disabled segments of the population to become self reliant and be more productive members of the community, commensurate with their full potential. The Rehabilitation Centre for Physically Handicapped in Kota Samarahan is run by the Government whereas the Blind Centre, Kuching and Sibu, Sarawak Cheshire Home Kuching, Rumah Harapan, Miri and Sarawak Society for the Deaf are run by voluntary bodies also with financial assistance from the Government.

Lain-Lain

Juga diberikan dalam seksyen ini adalah maklumat-maklumat tentang pesalah juvana, penagih dadah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO).

Others

Also provided in this section are information pertaining to juvenile offenders, drug dependents, Employees' Provident Fund (EPF) and Social Security Organisations (SOCSO).

KESIHATAN

Hospital Kerajaan

Ini termasuk semua pertubuhan yang dianggotai secara tetap oleh sekurang-kurangnya seorang doktor, yang menyediakan wad bagi menempatkan pesakit dalam dan memberikan rawatan perubatan dan jagaan yang aktif. Tidak termasuk pertubuhan-pertubuhan yang hanya memberi rawatan jagaan. Terdapat tiga kategori hospital kerajaan iaitu Hospital Negeri, Hospital Daerah dengan pakar dan Hospital Daerah tanpa pakar.

Di Sarawak terdapat sebuah Hospital Negeri yang bertempat di Daerah Kuching dan juga dikenali sebagai Hospital Umum Sarawak, Kuching. Ia memberikan rawatan dan jagaan pada disiplin-disiplin seperti Perubatan Am, Pembedahan Am, Obstetrik dan Gynaekologi, Paediatrik, Telinga, Tekak dan Mulut, Oftamalogi, Ortopedik dan juga disiplin "sub-speciality" seperti Dermatologi, Pembedahan Plastik, Nefrologi, Neurosurgeri dan Radiotherapi.

HEALTH

Government Hospitals

These are establishments permanently staffed by at least one Medical Officer and can offer in-patient accommodation and provide active medical and nursing care. Those establishments providing principally custodial care are not included. There are three categories of government hospitals, namely the State Hospital, the District Hospitals with specialist and District Hospitals without specialist.

There is one State Hospital in Sarawak, which is situated in Kuching District and is also known as the Sarawak General Hospital, Kuching. It provides medical and nursing care for disciplines like General Medicine, General Surgery, Obstetrics and Gynaecology, Paediatrics, Ear, Nose and Throat, Ophthalmology and sub-speciality disciplines, such as, Dermatology, Nephrology, Plastic Surgery, Neurosurgery and Radiotherapy.

Institusi Khas

Institusi Khas ini merupakan hospital-hospital yang memberikan rawatan perubatan dan jagaan hanya untuk satu disiplin sahaja seperti kesihatan psikiatri atau penyakit Hansens. Kategori ini tidak termasuk jabatan-jabatan khas di bawah pentadbiran Hospital Umum dan kadangkalanya terletak di bangunan tambahan ataupun diletakkan di tempat berasingan sebab katil-katilnya telahpun dikira dalam Hospital Umum. Di Sarawak, terdapat dua institusi khas iaitu Hospital Sentosa dan Hospital Peringatan Rajah Charles Brooke (RCBM). Hospital Sentosa yang selama ini dikenali sebagai Hospital Sakit Jiwa memberikan penjagaan psikiatri dan RCBM adalah sebuah institusi khas untuk yang mengidap penyakit Hansens.

Jabatan Pesakit Luar Am

Jabatan Pesakit Luar Am adalah unit yang memberikan perkhidmatan rawatan pesakit luar di bawah pengurusan hospital.

Special Institutions

These are hospitals providing medical and nursing care primarily for only one discipline such as psychiatry or leprosy. This category does not include the specialised departments administratively attached to a GeneralHospital and sometimes located in an annex or separate pavilion as their beds would have already been counted in the GeneralHospital. In Sarawak, the two special institutions are SentosaHospital and RajahCharlesBrookeMemorialHospital (RCBM). SentosaHospital is previously known as SarawakMental Hospital which provides psychiatric care and RCBM is a leprosarium institution.

General Outpatient Department

General Outpatient Department is a unit providing outpatient services under the hospital management.

Klinik Kesihatan

Klinik Kesihatan adalah merupakan kemudahan tetap yang memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan asas. Terdapat tiga kategori Klinik Kesihatan iaitu:

Klinik Kesihatan Dalam Bandar (Poliklinik)

Klinik Kesihatan dalam bandar diselenggarakan oleh seorang pegawai perubatan yang menjaga serta dibantu oleh beberapa pegawai perubatan yang lain dan anggota sokongan termasuk pembantu perubatan, jururawat, juruteknologi makmal, pembantu farmasi, juru x-ray, attendan dan pemandu. Klinik ini dilengkapi dengan kemudahan makmal, x-ray dan perkhidmatan farmasi.

Klinik Kesihatan Luar Bandar dengan Pegawai Perubatan

Klinik Kesihatan Luar Bandar dengan Pegawai Perubatan adalah diselenggarakan oleh seorang pegawai perubatan dan dibantu oleh anggota lain seperti pembantu perubatan, jururawat, attendan dan pemandu. Klinik ini juga dilengkapi dengan kemudahan seperti perkhidmatan farmasi, kemudahan makmal dan x-ray.

Health Clinics

Health Clinics are static facilities providing primary health care services. Health Clinics can be classified into three categories:-

Urban Health Clinic (Polyclinic)

Urban Health Clinic is managed by a medical officer in-charge with several other medical officers and the supporting staff comprises of medical assistants, nurses, laboratory technologists, assistant pharmacists, radiographers, attendants and drivers. The clinic is equipped with laboratory, x-ray and pharmacy facilities.

Rural Health Clinic with Medical Officer

Rural Health Clinic with Medical Officer is managed by one medical officer together with other support staff like medical assistants, nurses, laboratory technologists, assistant pharmacists, radiographers, attendants and drivers. The clinic is also equipped with pharmacy, x-ray and laboratory facilities.

Klinik Kesihatan Luar Bandar tanpa Pegawai Perubatan

Klinik Kesihatan Luar Bandar tanpa Pegawai Perubatan hanya dikendalikan oleh pembantu perubatan serta dibantu oleh anggota lain yang terdiri daripada jururawat masyarakat, pembantu kesihatan awam, attendan dan pemandu. Klinik ini hanya dilengkapi dengan peralatan ujian makmal yang minima.

Tidak kira apa juga kategori Klinik Kesihatan, perkhidmatan asas yang diberi adalah merangkumi promosi kesihatan, pencegahan penyakit, penjagaan perawatan dan penjagaan pemulihan.

Klinik Desa

Klinik Desa (KD) dianggotai oleh seorang pembantu perubatan atau seorang jururawat desa serta anggota sokongan. Terdapat dua (2) kategori Klinik Desa. Yang satunya memberikan perkhidmatan rawatan asas dan diselenggarakan oleh pembantu perubatan manakala yang satu lagi dikendalikan oleh jururawat masyarakat yang memberikan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak termasuk perkhidmatan bersalin.

Rural Health Clinic without Medical Officer

Rural Health Clinic without Medical Officer is managed by medical assistant and the following categories of staff namely, community nurses, public health overseer, attendants and drivers. This clinic is provided only with minimal laboratory testing equipment.

Whichever category of health clinics, the basic services provided include health promotion, disease prevention, curative care and rehabilitative care.

Klinik Desa

A Klinik Desa (KD) is staffed by a medical assistant or community nurse with supporting staff. There are two categories of Klinik Desa. The one which provides simple curative care is manned by medical assistant (MA) and the other provides maternal and child health service which includes delivery services and is manned by community nurse.

Klinik 1 Malaysia

Klinik Kesihatan Kerajaan yang dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan ringan kepada penduduk di kawasan Bandar sesuai dengan pendekatan kerajaan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Klinik Bergerak

Klinik Bergerak merupakan komponen Klinik Kesihatan yang memberikan perkhidmatan kesihatan secara terus kepada masyarakat. Terdapat dua jenis Klinik Bergerak iaitu: Pasukan Kesihatan Kampung (PKK) dan Perkhidmatan Doktor Udara (PDU).

Pasukan Kesihatan Kampung (PKK)

Pasukan Kesihatan Kampung (PKK) adalah merupakan perkhidmatan lanjutan dan satu komponen Klinik Kesihatan. Kawasan operasinya mencakupi semua kampung di luar jarak 3 batu dari Klinik Kesihatan yang boleh dikunjungi melalui pengangkutan jalan dan sungai, umumnya dikenali sebagai kawasan yang di luar kawasan operasi Klinik Kesihatan. Komponen PKK ini dianggotai oleh:

1 Malaysia Clinic

To realize Gagasan 1 Malaysia,” People First, Performance Now”, MoH has set up 1 Malaysia clinic to serve a poor to low income population in urban areas. It is manned by paramedics namely assistant medical officer and staff nurse to provide treatment for minor ailments. And the services do not include maternal and child health services.

Mobile Clinic

Mobile Clinic is a component of the Health Clinic which provides health services right to the doorstep of the community. There are two types of Mobile Clinic namely: Village Health Team (VHT) and Flying Doctor Service (FDS).

Village Health Team (VHT)

Village Health Team (VHT) is an extension and a mobile component of the health clinic. It’s operational area covers all villages beyond the 3 mile radius from the Health Clinic, which are reachable by road and river transport, commonly known as the extended area of the Health Clinic operational area. The component of the VHT consists of the following categories of staff:

- 1 Pembantu Perubatan
- 1 Jururawat Masyarakat
- 1 Attendan
- 1 Pembantu Kesihatan Awam
(jika perlu)
- 1 Pemandu

- 1 *Medical Assistant*
- 1 *Community Nurse*
- 1 *Attendant*
- 1 *Public Health Overseer
(optional)*
- 1 *Driver*

Matlamat PKK adalah untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk di kawasan pedalaman dengan memberikan tumpuan atau keutamaan pada pencegahan kesihatan, promosi kesihatan, mengenalpasti ke atas penyakit berjangkit serta memberi rawatan lanjutan kepada pesakit-pesakit yang mengalami penyakit kronik seperti penyakit tibi, kusta dan sebagainya.

Its objectives are to provide services to the underserved areas with emphasis on health prevention, health promotion, detection of various communicable diseases and the provision of continuing treatment to patients suffering from chronic ailments e.g. tuberculosis (T.B.) or leprosy etc.

Perkhidmatan Doktor Udara (PDU)

Perkhidmatan Doktor Udara (PDU) dimulakan pada tahun 1975 dengan menggunakan dua buah helikopter catar. Sebuah helikopter lagi ditambah dalam pasukan itu pada tahun 1977. PDU beroperasi di kawasan yang tidak dapat dikunjungi melalui pengangkutan cara biasa. Setiap helikopter meliputi kawasan khusus mengikut jadual yang ditetapkan. Lokasi yang dikunjungi adalah setiap sekali dalam sebulan. Kawasan operasinya meliputi kampung yang terpencil di pedalaman yang tidak mendapat kemudahan kesihatan terdekat dan juga tidak diliputi oleh Pasukan Kesihatan Kampung (PKK).

Flying Doctor Service

The Flying Doctor Service (FDS) was started in 1975 with two chartered helicopters. A third one was added to the fleet in 1977. The FDS operates in areas which are not easily accessible by normal means of transportation. Each helicopter covers a specific area following a fixed schedule. Each location is visited about once a month. Its operational area included remote rural villages that are not accessible to the nearest health facilities and are not covered by the Village Health Team (VHT).

Katil

Ini termasuk hanya katil-katil yang sentiasa diselenggarakan bagi menempatkan dan mengadakan rawatan sepenuh masa kepada pesakit-pesakit dalam yang saling berganti dan terletak di wad-wad atau di kawasan hospital di mana rawatan perubatan berterusan bagi pesakit-pesakit dalam boleh diberi. Jumlah katil-katil tersebut merupakan katil-katil yang biasa terdapat di hospital. Data-data ini tidaklah termasuk katil-katil yang digunakan oleh bayi-bayi yang baru lahir dan yang tidak memerlukan rawatan khas. Tidak termasuk di sini juga ialah katil-katil di bilik bersalin, katil-katil selepas anestesia ataupun selepas pembedahan yang tidak diselenggarakan untuk kegunaan berterusan oleh pesakit dan katil-katil pemeriksaan dan pemulihan di bahagian pesakit luar. "Katil" di sini meliputi katil-katil rasmi sahaja dan tidak termasuk katil-katil sementara. Katil rasmi ditakrifkan sebagai katil yang lazimnya diadakan di wad dan katil sementara adalah katil tambahan yang diadakan oleh sebab permintaan yang perlu.

Beds

These cover only those that are regularly maintained for the accommodation and full-time care of a succession of in-patients and which are situated in wards or areas of the hospital where continuous medical care for in-patients can be provided. The total of such beds constitute the normally available beds complement of the hospital. Cribs and bassinets maintained for use by healthy new-born infants, who do not require special care are not included. Excluded also are beds in the labour room, post-anaesthetic or post-operative beds which are not maintained for continued use by patients and observation or recovery beds in out-patient department. "Beds" here refer to official beds and exclude temporary beds. Official beds are defined as those available in the wards, while temporary beds refer to those additional beds put in due to pressure of demand.

Doktor Pergigian

Doktor pergigian adalah terbahagi kepada dua kategori, iaitu Bahagian I dan Bahagian II. Bahagian I merujuk kepada doktor pergigian yang berdaftar dan mempunyai kelayakan profesional. Bahagian II merujuk kepada doktor pergigian yang berdaftar dan tidak mempunyai kelayakan profesional.

Dentists

Dentists are divided into two categories; i.e. Division I and Division II. Division I dentists refer to those registered dentists with professional qualifications. Division II dentists refer to registered dentists without professional qualifications.

KESELAMATAN AWAM

PUBLIC SAFETY

Kemalangan Jalan Raya

Data yang diberikan merujuk kepada kemalangan jalan raya mengikut jenis kenderaan terlibat dan sebab.

Road Accidents

Road accidents data by type of vehicle involved and cause are provided.

Nahas Kemalangan Jalan Raya

Data yang diberikan adalah disusun mengikut jenis pengguna jalan raya.

Road Accident Casualties

Data are compiled by type of road users.

Jenayah yang Dilaporkan

Data yang dipersembahkan adalah merujuk kepada jenayah yang dilaporkan kepada polis mengikut jenis kesalahan.

Crime Reported

Data presented refer to crime reported to police by type of offence.

Perangkaan Penjara

Data yang diberikan meliputi bilangan penjara, bilangan banduan yang ditahan mengikut jenis hukuman, jantina, kumpulan etnik dan juga purata harian jumlah banduan dalam penjara.

Prison Statistics

Data presented include number of prisons, number of prisoners by type of sentence, sex, ethnic group and daily average number of prisoners in prisons.

Perangkaan Mahkamah

Data yang dipersembahkan termasuk bilangan kes didaftarkan, bilangan orang terlibat, bilangan tuduhan, bilangan sabitan, bilangan pembebasan dan kelepasan dan Nolle Prosequi mengikut peringkat mahkamah.

Kebakaran

Data kebakaran diperoleh berdasarkan kes yang dilaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Negeri Sarawak. Data yang diberikan meliputi bilangan punca dan jenis kebakaran.

Court Statistics

Data presented include number of cases registered, number of persons involved, number of charges, number of convictions, number of acquittals and discharges and Nolle Prosequi by different levels of court.

Fire Breakout

Data on fire breakouts are based on cases reported to the Fire and Rescue Department, Sarawak. Data given are on the number of sources and types of fire breakout.

HARGA-HARGA

Seksyen ini mengandungi sembilan jadual. Tiga jadual yang pertama (9.1 – 9.3) menunjukkan Indeks-indeks Harga Pengguna bagi Sarawak (2010 = 100) bagi indeks kumpulan utama, indeks kumpulan kecil makanan dan empat kategori barangan mengikut ketahanan dan perkhidmatan. Enam jadual yang baki (9.4 – 9.9) menunjukkan Purata Harga Runcit Beras di Sarawak, Purata Harga Kopra, Tepung Sagu, Padi, Biji Koko Kering dan Lada di Kuching, Purata Harga Khinzir di Pusat Terpilih di Sarawak dan juga Harga Unit Purata Bagi Keluli dan Simen di Kuching, Sibul dan Miri.

Indeks Harga Pengguna

Indeks Harga Pengguna Sarawak yang berasaskan formula Laspeyres, mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi “bakul” tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. Item-item ini dikelaskan kepada 12 kumpulan utama berpandukan kepada United Nations “Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)”.

PRICES

This section consists of nine tables. The first three tables (9.1 – 9.3) highlight the Consumer Price Indices for Sarawak (2010 = 100) for the component main groups, the sub-group indices for the Food Group and the four categories of items classified according to their durability and services. The remaining six tables (9.4 – 9.9) show the Average Retail Prices of Rice in Sarawak, Average Prices of Copra, Sago Flour, Padi, Dried Cocoa Beans and Pepper in Kuching, Average Prices of Swine in Selected Centres in Sarawak and also Average Unit Prices of Steel and Cement in Kuching, Sibul and Miri.

The Consumer Price Index

The Consumer Price Index for Sarawak, which is based on the Laspeyres formula, measures the percentage change through time in the cost of purchasing a constant “basket” of goods and services representing the average pattern of purchases made by particular population group in the specified time period. The items are classified according to United Nations “Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)” with twelve main groups.

Wajaran yang digunapakai dalam pengiraan Indeks Harga Pengguna adalah merujuk kepada corak perbelanjaan yang diperolehi dari Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan setiap lima tahun sekali.

The weights used in the calculation of the Consumer Price Index are based on the pattern of expenditure obtained from the Household Expenditure Survey conducted once every five years.

Harga bagi lebih kurang 512 barangan telah digunakan dalam pengiraan indeks dan harga ini diperolehi dari lebih kurang 2,600 saluran runcit di 18 pusat pungutan di Sarawak.

Prices of 512 items are used in the computation and these are obtained from about 2,600 outlets in 18 collection centres in Sarawak.

Barangtahan lama mempunyai jangka hayat penggunaan yang melebihi satu tahun dan secara relatifnya mempunyai nilai yang tinggi, seperti motokar, peti sejuk dan televisyen.

Durable goods have an expected life-time of considerably more than one year and a relatively high value, such as motor cars, refrigerators and televisions.

Barang semitahan lama mempunyai jangka hayat penggunaan lebih kurang setahun atau secara relatifnya tidak mempunyai harga yang tinggi, seperti pakaian, tekstil dan alat berkebun.

Semi-durable goods have an expected life-time of use of one year or somewhat more and are not of relatively great value such as clothing, textiles and garden tools.

Barang tidak tahan lama mempunyai jangka hayat penggunaan yang pendek dan mempunyai harga secara relatifnya tidak tinggi, seperti beras, daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran, air minuman, petrol dan sebagainya.

Non-durable goods have an expected life-time of less than one year and their prices are not high such as rice, meat, fish, fruits, vegetables, drinking water, petrol etc.

Perkhidmatan merujuk kepada perbelanjaan yang dibayar oleh Isi Rumah terhadap semua perkhidmatan, seperti rawatan perubatan, hiburan, rekreasi, kebudayaan, pendidikan, perbelanjaan di restoran dan hotel dan sebagainya.

Services refer to expenses incurred by Household on all services such as medical treatment, entertainment, recreation, culture, education, expenditure in restaurants and hotels, etc.

PERDAGANGAN LUAR NEGERI

EXTERNAL TRADE

Bidang dan Liputan

Sarawak menggunakan sistem 'general' dalam penyusunan perangkaan perdagangan luar negerinya. Di bawah sistem ini, sempadan negeri Sarawak digunakan sebagai sempadan perangkaan. Semua barang yang dibawa masuk atau keluar dari negeri Sarawak (melainkan pengecualian yang disebut di para 8) direkodkan, sama ada barangan itu tertakluk kepada kelulusan tertentu ataupun tidak. Bersesuaian dengan ini, barangan yang dibawa masuk atau keluar dari gudang-gudang simpanan Kastam, Zon Perindustrian Bebas dan Kedai Bebas Cukai direkodkan di dalam perangkaan ini.

Butir-butir terperinci mengenai kapal dan kapal terbang dagangan dan persendirian turut diambil kira jikalau ianya diimport atau dieksport sebagai barang yang dibeli atau dijual, tidak kira sama ada ianya tiba atau berlepas dengan kuasanya sendiri atau tidak.

Kedudukan negeri Sarawak (selepas ini disebut Sarawak) terpisah dari kedua-dua kawasan Malaysia iaitu Malaysia (Semenanjung Malaysia) dan Malaysia (Sabah). Bagi tujuan penyusunan perangkaan perdagangan luar negeri untuk Sarawak, perkiraan ke atas kedua-dua kawasan ini adalah sama seperti negara-negara lain. Urusan perdagangan bersama kawasan-kawasan tersebut adalah

Scope and coverage

The 'general' system of recording is adopted in compiling external trade statistics of Sarawak. Under this system, the national boundary of the State of Sarawak is used as the statistical frontier. All goods entering or leaving the State of Sarawak (except specific exclusions mentioned in paragraph 8) are recorded, whether or not such goods are subject to clearance. Accordingly, goods entering or leaving customs bonded warehouses, Free Industrial Zones and Duty Free Shops are recorded in the statistics.

Details of commercial and private ships and aircrafts are also included in these statistics if they were imported or exported as goods purchased or sold, whether or not they arrived or departed under their own power.

The state of Sarawak (hereafter referred to as Sarawak) is geographically separated from the other two regions of Malaysia, i.e. Malaysia (Peninsular Malaysia) and Malaysia (Sabah). Hence, for the purpose of compiling external trade statistics for Sarawak, these two regions are treated in the same manner as other countries. Trade

dalam bentuk perdagangan antara kawasan. Ini adalah selaras dengan peraturan yang diamalkan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia di mana borang-borang Ikrar Kastam perlu diisi bagi urusan perdagangan antara ketiga-tiga kawasan. Kedua-dua kawasan ini dinyatakan sebagai Malaysia (Semenanjung Malaysia) dan Malaysia (Sabah) dalam penerbitan ini.

transactions with these two regions will be in the form of inter-regional trade within Malaysia. This is in line with the practice of the Department of Royal Customs, Malaysia, whereby inter-regional trade transactions between these regions are required to fill in the appropriate customs declaration forms. These two regions are written as Malaysia (Peninsular Malaysia) and Malaysia (Sabah) in this publication.

Konsep

Eksport merujuk kepada barang-barang keluaran atau buatan tempatan atau barangan import untuk dieksport semula yang dibawa keluar dari Sarawak.

Eksport semula merujuk kepada barang-barang yang dibawa keluar dari Sarawak dalam keadaan sepertimana ianya diimport tanpa mengalami sebarang perubahan rupa. Proses membungkus semula, menyisih atau menggred tidak dikira sebagai proses perubahan rupa.

Import merujuk kepada barang-barang yang dibawa masuk ke Sarawak, sama ada terus ataupun disimpan di gudang-gudang yang dikawal, tanpa mengira sama ada barang-barang tersebut adalah untuk kegunaan sendiri, diproses atau digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.

Concepts

Exports refer to locally produced or manufactured goods or imports for subsequent export taken out of Sarawak.

Re-exports refer to goods taken out of Sarawak in the same form as they were imported without any transformation. Re-packing, sorting or grading processes are not considered part of the transformation process.

Imports refer to goods brought into Sarawak, either directly or into bonded warehouses, irrespective of whether such goods are for consumption, to be processed or used in manufacturing or subsequent export to other countries.

Imbangan Perdagangan ialah perbezaan antara nilai eksport dan import. Apabila eksport melebihi import, **lebih** direkodkan manakala **defisit** pula dicatatkan apabila import melebihi eksport.

The **Balance of Trade** is the difference between the value of exports and imports. When exports exceed imports, it is recorded as a **surplus** while a **deficit** is registered when imports exceed exports.

Asas Penilaian

Nilai-nilai ditunjuk dalam Ringgit Malaysia.

Import dinilai mengikut **c.i.f. ('cost, insurance and freight' – kos, insurans dan tambang)**, iaitu, nilai barangan di pasaran sempadan Perangkaan/Kastam negara pengimport, termasuk semua perbelanjaan insurans dan tambang semasa dalam perjalanan tetapi kos pemunggaran dari alat pengangkutan tidak diambil kira kecuali kos tersebut ditanggung sendiri oleh pengangkut.

Eksport dinilai mengikut **f.o.b. ('free on board')**, iaitu, nilai barangan di pasaran sempadan Perangkaan/Kastam negara pengeksport, termasuk semua perbelanjaan pengangkutan ke sempadan tersebut, duti eksport dan duti lain yang dikenakan bayaran serta kos untuk memunggan barang ke atas alat pengangkutan kecuali kos terakhir itu ditanggung sendiri oleh pengangkut.

Basis of Valuation

Values are shown in Malaysian Ringgit.

Imports are valued on a **c.i.f. (cost, insurance and freight)** basis, that is, the value of the goods in the market at the Statistical/Customs frontier of the importing country, including all charges for transport and insurance whilst in transit but excluding the cost of unloading from the ship, aircraft or vehicle, unless it is borne by the carrier.

Exports are valued on a **f.o.b. (free on board)** basis, that is the value of the goods in the market at the Statistical/Customs frontier of the exporting country, including all costs of transporting the goods to the Statistical/Customs frontier, export and other duties payable as well as the cost of loading the goods onto the carrier unless the latter cost is borne by the carrier.

Barang-barang import dan eksport 'on consignment' dinilai mengikut harga semasa.

Imports and exports on consignment are valued at current prices.

Wang kertas yang belum diedarkan, wang syiling dan 'bank notes' ditunjukkan mengikut nilai sebenarnya sebagai kertas bercetak atau logam yang dicap dan bukan nilai muka.

Unissued currency notes, coins and bank notes are shown at their intrinsic values as printed paper or stamped metal and not at their face value.

Sumber data

Sources of data

Borang pengiklanan import dan eksport yang dimajukan kepada Jabatan Kastam Di Raja oleh pengimport, pengeksport atau wakil mereka dan satu salinan dihantar ke Jabatan Perangkaan;

Import and export declaration forms submitted to the Royal Customs Department by importers, exporters or their agents, whereby a copy is sent to the Department of Statistics;

Keterangan mengenai pengiriman bungkusan yang diberikan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia dan Pos Malaysia;

Particulars on postal packages provided by the Malaysian Royal Customs Department and Pos Malaysia;

Penyata mengenai 'bunkers' dan 'stores' yang dibekalkan kepada kapal laut dan kapal terbang. Penyata ini masing-masing dihantar oleh Jabatan Kastam Di Raja dan Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS).

Statement on bunkers and stores supplied to ship and aircraft. These statements are furnished by the Royal Customs Department and Malaysian Airline System Berhad (MAS) respectively.

Penyata penjualan barangan dibekalkan oleh pengusaha-pengusaha Kedai Bebas Cukai

Statements on goods sold, provided by operators of Duty Free Shops.

Transaksi bernilai rendah

Mulai tahun rujukan 1993, semua transaksi yang bernilai RM2,000 dan ke bawah, (kecuali komoditi yang disenaraikan di Lampiran A nota ini) tidak lagi diproses secara terperinci. Transaksi-transaksi tersebut diperuntukkan kod komoditi am 9800.00.900 (SB) atau 931-000-900 (SITC). Dalam penerbitan ini, nilai transaksi tersebut dikategorikan sebagai 'Import/Eksport transaksi bawah RM2,000, t.s.t.l.'.

Klasifikasi barang dagangan

Barang dagangan dalam penerbitan ini dikelaskan mengikut 'Standard International Trade Classification, Revision 3 (SITC Rev. 3)' keluaran Bangsa-bangsa Bersatu. Walau bagaimanapun, untuk memudahkan rujukan, keterangan lengkap mengenai kod SITC dan kod yang berasaskan 'Harmonized Commodity Description and Coding System' (Sistem Berharmonis – SB) daripada Majlis Kerjasama Kastam juga dibekalkan.

Kuantiti

Kuantiti, bila mana ditunjukkan, merupakan berat bersih, isipadu atau ukuran lain bagi barangan itu, tidak termasuk alat pembungkusan. Jika satu-satu barangan itu terdiri daripada pelbagai jenis di mana satu unit ukuran am tidak dapat digunakan, maka hanya nilai sahaja ditunjukkan.

Low value transactions

With effect from reference year 1993, single transactions with a value of RM 2,000 and below (except those listed in Appendix A of these notes) are no longer processed at the detailed level. These transactions are assigned a common commodity code 9800.00.900 (HS) or 931-000-900 (SITC). In this publication, the value of these transactions by commodity is categorised as 'Import/Exports of transactions RM 2,000 & below, n.e.s.'

Classification of commodities

Commodities in this publication are classified according to the Standard International Trade Classification, Revision 3 (SITC Rev. 3) of the United Nations. To facilitate reference, however, the full description of the SITC and the corresponding codes based on the Harmonized Commodity Description and Coding System (HS) of the Customs Co-operation Council are also provided.

Quantities

Quantities, where shown, represent the net weight, volume or other measurement of goods exclusive of packing containers. Where a commodity item comprises of different kinds of commodities for which a common unit of measurement cannot be used, only values are shown.

Pengecualian

Barang-barang yang tidak termasuk dalam perangkaan perdagangan adalah:

- a. barangan pemindahan sambil lalu, iaitu, pengangkutan barangan di bawah kawalan Kastam dari sebuah stesen kastam ke stesen kastam yang lain. Misalnya, pergerakan barangan dari Singapura ke Brunei melalui Sarawak dan pergerakan barangan dari sebuah zon bebas ke sebuah zon bebas yang lain di Malaysia. Barangan dalam transit yang diliputi oleh 'through bills of lading/air way bills' juga termasuk di bawah kategori ini;
- b. emas (kewangan) dan wang kertas, duit syiling, nota bank dan sekuriti yang sudah digunakan (SB: 4907.00.200, 7108.20.100 dan 7108.20.900);
- c. barangan yang diimport dan dieksport oleh, atau bagi pihak, perkhidmatan Diplomatik dan Angkatan Tentera bukan Malaysia;
- d. filem wayang yang diimport atau dieksport untuk disewa;

Exclusions

Classes of goods excluded from external trade statistics are:

- a. *transit cargo, that is, goods transported under Customs control from one Customs office to another. Examples are the movement of goods from Singapore bound for Brunei through Sarawak and the movement of goods within Malaysia from one free trade zone to another. All goods in transit covered by through bills of lading/air way bills are also included in this category;*
- b. *gold bullion (monetary) and issued currency notes, coins, bank notes and securities (HS: 4907.00.200, 7108.20.100 and 7108.20.900);*
- c. *goods imported and exported by, or on behalf of, the Diplomatic services and non-Malaysian Armed Forces;*
- d. *exposed cinematographic films imported or exported on a rental basis;*

- e. senjata dan kenderaan tentera seperti kapal laut, kapal terbang dan trak serta alat ganti dan aksesori dan dokumen teknikal yang diimport oleh atau bagi pihak, Angkatan Tentera Malaysia;
- f. kemasukan barangan untuk sementara waktu dan ianya tertakluk kepada pengeksporan semula dalam keadaan yang sama. Barangan ini diimport untuk tujuan tertentu dan dieksport semula dalam masa yang telah ditentukan tanpa mengalami sebarang perubahan, kecuali susut nilai yang biasa kerana penggunaan barangan tersebut. Contohnya, binatang dan motokar bagi pertunjukan sirkus, perlumbaan, pertandingan dan pameran serta peralatan/peralatan bunyi untuk pertunjukan muzikal;
- g. 'barges (lash)' yang digunakan untuk mengangkut kargo dari kapal ke pantai atau sebaliknya;
- h. ikan dan hasil laut lain yang mendarat terus dari laut. Ia dibawa oleh kapal laut yang berdaftar di Sarawak;
- e. *military weapons and vehicles such as ships, aircrafts, trucks, parts and accessories thereof and technical documents imported by or on behalf of the Malaysian Armed Forces;*
- f. *temporary admission of goods subject to re-exportation in the same state. Such goods must be imported for a specific purpose and must be intended for re-exportation within a specific period without having undergone any change except normal depreciation due to the use made on the goods. Examples are animals and cars for circuses, races, competitions and exhibitions and instruments/sound equipment for musical performances;*
- g. *barges (lash) used for the transportation of cargo from vessel to shore or vice-versa*
- h. *fish and other marine produce landed by Sarawak registered vessels direct from sea;*

- | | |
|---|--|
| <p>i. bekas untuk menyimpan sesuatu barang/benda, silindar, botol dan seumpamanya yang dinyatakan sebagai dikembalikan;</p> | <p><i>i. containers, cylinders, bottles, crates and the like specified as returnable;</i></p> |
| <p>j. bekalan dan minyak yang dibekalkan kepada kapal laut dan kapal terbang (SB: 9800.00.914, 9800.00.915, 9800.00.916 & 9800.00.917):</p> <p style="margin-left: 40px;">(i) sehingga 1991 – yang berdaftar di Sarawak</p> <p style="margin-left: 40px;">(ii) mulai 1992 – yang dikendalikan oleh operator yang menetap di Sarawak</p> | <p><i>j. stores and fuel (HS: 9800.00.914, 9800.00.915, 9800.00.916 and 9800.00.917):</i></p> <p style="margin-left: 40px;"><i>(i) until 1992 – supplied to Sarawak registered ships and aircraft;</i></p> <p style="margin-left: 40px;"><i>(ii) from 1992 – supplied to ships and aircraft handled by operators of Sarawak residence;</i></p> |
| <p>k. contoh, pemberian dan bahan untuk ujian atau analisis (SB: 9800.00.600):</p> <p style="margin-left: 40px;">(i) sehingga 1991 – yang tidak melebihi RM300</p> <p style="margin-left: 40px;">(ii) mulai 1992 – tanpa mengira nilai transaksi yang terlibat</p> | <p><i>k. samples, gifts and specimen for test or analysis (HS: 9800.00.600):</i></p> <p style="margin-left: 40px;"><i>(i) until 1991 – not exceeding RM 300</i></p> <p style="margin-left: 40px;"><i>(ii) from 1992 – irrespective of value;</i></p> |
| <p>l. tiket Loteri & 'Toto' (SB: 4911.99.200);</p> | <p><i>l. Toto and lottery tickets (HS: 4911.99.200);</i></p> |

- | | |
|--|--|
| m. pergerakan barangan di antara negeri di dalam Semenanjung Malaysia tanpa mengira cara pengangkutan serta pergerakan barangan melalui darat di antara Sabah dan Sarawak. | <i>m. movement of goods by any mode of transportation between states within Peninsular Malaysia and movement of goods by land between Sabah and Sarawak.</i> |
| n. Barangan 'sewa operasi' mulai tahun 2000. | <i>n. goods under 'operational lease' from the year 2000.</i> |
| o. Barangan untuk dibaiki mulai tahun 2000. | <i>o. goods for repair from the year 2000.</i> |

Negara asal dan yang ditujui

Import dikelaskan mengikut negara asal barangan, iaitu, negara di mana barangan itu dibentuk dengan lengkap sepertimana ianya diimport masuk ke dalam Sarawak. Bagi barangan melalui Singapura, jika maklumat negara asalnya tidak dapat ditentukan, maka import berkenaan dimasukkan di bawah nilai import dari Singapura, iaitu, di bawah kategori yang sama seperti barangan yang dikeluarkan/dibuat di Singapura.

Import barangan terpakai dianggap sebagai berasal dari negara yang menghantarnya jikalau negara asalnya tidak dapat ditentukan.

Country of origin and destination

Imports are classified according to the country of origin of the goods, that is, the country where the goods are given the final form in which they are imported into Sarawak. For goods imported via Singapore, if information regarding the country of origin cannot be ascertained, such imports are included under the value of imports from Singapore, that is, under the same category as goods produced/manufactured in Singapore.

Imports of second-hand goods are treated as originating from the country of consignment where the country of origin is not ascertainable.

Eksport dikelaskan mengikut negara yang ditujui, iaitu, negara di mana barangan dijangka akan digunakan, berdasarkan sejauhmana maklumat ini dapat ditentukan pada masa ianya dieksport. Bagi barangan yang dihantar dengan 'optional bill of lading', negara di mana pelabuhan pertama diketahui akan dikira sebagai negara yang ditujui. Bagi barangan yang dieksport melalui Singapura, jika maklumat mengenai negara yang ditujuinya tidak dapat ditentukan, maka eksport berkenaan adalah dimasukkan di bawah nilai eksport ke Singapura, iaitu, di bawah kategori yang sama seperti barangan yang digunakan di Singapura.

Bagi 'bunkers' dan 'stores' yang dibekalkan kepada kapal dan kapal terbang, negara yang ditujui ditentukan mengikut negara di mana operator kapal atau kapal terbang tersebut menetap.

Negara-Negara Kesatuan Eropah (EU)

EU merangkumi 28 negara iaitu : Austria, Belgium, Bulgaria, Croatia, Cyprus, Czech Republic, Denmark, Estonia, Finland, France, Germany, Greece, Hungary, Ireland, Italy, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malta, Netherlands, Poland, Portugal, Romania, Slovakia, Slovenia, Spain, Sweden dan United Kingdom.

Exports are classified according to the country of destination, that is, the country where it is expected that the goods will be consumed in so far as this can be ascertained at the time of export. In case of goods shipped on an optional bill of lading, the country of the first port declared is taken as country of destination. For goods exported via Singapore, if information regarding the country of destination of goods exported is not known/available, such exports are included under the value of exports to Singapore, that is, under the same category as goods consumed in Singapore.

For bunkers and stores supplied to ships and aircraft, the country of destination is determined according to the country of residence of the ship's or aircraft's operator.

European Union (EU) countries

EU comprises of 28 countries that is: Austria, Belgium, Bulgaria, Croatia, Cyprus, Czech Republic, Denmark, Estonia, Finland, France, Germany, Greece, Hungary, Ireland, Italy, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malta, Netherlands, Poland, Portugal, Romania, Slovakia, Slovenia, Spain, Sweden and United Kingdom.

PERTANIAN

Estet:

- (i) Tanah yang bersambungan atau berpecahan, dengan keluasan berjumlah tidak kurang dari 40.47 hektar (100 ekar), ditanam dengan sesuatu tanaman tersebut atau di mana penanaman tanaman tersebut dibenarkan dan adalah di bawah pemilik tunggal yang sah.
- (ii) Sebarang keluasan yang ditanam dengan sesuatu tanaman tersebut di estet yang telah sedia ada.

Kebun Kecil

Tanah yang bersambungan atau berpecahan, berjumlah keluasan kurang dari 40.47 hektar (100 ekar), ditanam dengan sesuatu tanaman atau di mana penanaman tanaman tersebut dibenarkan dan di bawah pemilikan tunggal yang sah. Walau bagaimanapun, rancangan-rancangan penempatan tanah dan keluasan bertanam di rancangan-rancangan tanah adalah dimasukkan sebagai kebun kecil walaupun setengah rancangan penempatan tanah mungkin secara individu mempunyai keluasan lebih dari 40.47 hektar (100 ekar).

AGRICULTURE

Estates:

- (i) *Lands, contiguous or non-contiguous, aggregating not less than 40.47 hectares (100 acres) in area, planted with the crop or on which the planting of the crop is permitted and is under a single legal ownership.*
- (ii) *Any hectarage under the crop in an already existing estate.*

Smallholdings:

Lands, contiguous or non-contiguous, aggregating less than 40.47 hectares (100 acres) in area, planted with the crop or on which the planting of the crop is permitted and is under a single legal ownership. However, land settlement schemes and areas planted under agricultural diversification schemes are included as smallholdings, although some land schemes may individually be more than 40.47 hectares (100 acres) in area.

Padi

Data padi yang berkaitan dengan keluasan, pengeluaran dan kadar penghasilan adalah dikumpulkan oleh Jabatan Pertanian Negeri berdasarkan anggaran kasar.

Data padi sawah yang berkaitan dengan keluasan bertanam adalah termasuk kawasan di bawah skim pengairan dan juga kawasan yang bergantung kepada bekalan air hujan dan disiarkan mengikut musim penanaman, iaitu musim utama dan luar musim.

Musim Utama:

Padi musim utama adalah padi yang ditanam antara Ogos hingga Februari tahun berikutnya.

Luar Musim:

Padi luar musim adalah padi yang ditanam antara Mac hingga Julai dalam tahun yang sama.

TERNAKAN

Bilangan ternakan merujuk kepada ternakan domestic yang matang dan belum matang.

Paddy

The data on planted area of paddy, production and yield were compiled by State Department of Agriculture by using rough eye estimates.

Data pertaining to the planted areas of wet paddy include areas under the irrigation schemes and the rain-fed areas and are presented according to planting seasons, namely main and off-seasons.

Main Season:

Main season paddy refers to the paddy planted between August to February of the following year.

Off-Season:

Off- season paddy refers to the paddy planted between March to July of the same year.

LIVESTOCK

Livestock population refers to matured and immature domestic livestock.

Sembelihan Ternakan Yang Direkodkan

Data merujuk kepada bilangan ternakan yang dilaporkan oleh individu yang memohon permit daripada setiap Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri untuk melakukan sembelihan. Termasuk juga jumlah sembelihan di bawah rumah sembelihan seliaan jabatan.

PERHUTAN

Keluasan hutan

Termasuk Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan, Taman Hidupan Liar and lain-lain kawasan rizab.

Hutan Simpanan Kekal merujuk kepada tanah hutan milik kerajaan yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pembalakan dengan kebenaran Jabatan Perhutanan dan memerlukan penanaman semula selepas aktiviti pembalakan,

Hutan Tanah Kerajaan ialah tanah hutan milik kerajaan dan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pembalakan. Penanaman semula tidak diperlukan selepas aktiviti pembalakan.

Recorded Slaughter Of Livestock

Data refers to number of livestock reported by individual who have applied permits from State Department of Veterinary Services for slaughtering activities. It also includes total number of slaughtered livestock from slaughtered house under the supervision of the department.

FORESTRY

Forest Area

Include Permanent Reserved Forest, State Land, Wildlife Reserve and other reserve areas.

Permanent Reserved Forest refers to land owned by government which is permitted for logging activities with the permission of the Forestry Department and need replanting after the logging activities.

State Land refers to land owned by government which is permitted for logging activities. Replanting is not required after the logging activities.

PERIKANAN

Perikanan ialah penangkapan, pemungutan dan pembiakan hidupan laut daripada lautan, pinggir pantai, perairan pedalaman dan kuala atas dasar komersial.

Akuakultur adalah pembiakan benih ikan atau pemeliharaan biak ikan melalui perusahaan ternak keseluruhan atau sebahagian daripada peredaran hidupnya. Akuakultur terdiri daripada akuakultur air tawar dan air payau/masin.

Nelayan

Nelayan merujuk kepada individu yang mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti menangkap ikan dari vesel perikanan, peranti kekal atau terapung, atau dari pantai. Tetapi tidak termasuk mereka yang bekerja sebagai pemproses atau peniaga ikan.

Vesel

Vesel merupakan bot/sampan yang digunakan bagi aktiviti penangkapan ikan. Terdapat dua kategori iaitu:

- (i) Tiada berjentera
Merujuk kepada sampan
- (ii) Berjentera
Terdiri daripada berjentera sangkut dan berjentera dalam:
 - a) Berjentera sangkut iaitu bot/sampan yang menggunakan enjin mudah alih

FISHERIES

Fisheries includes marine the catching, gathering, breeding and cultivation of marine life in ocean, coastal, inland and estuary waters on a commercial basis.

Aquaculture is the propagation of fish seed or the raising of fish through husbandry during the whole or part of its life cycle. Aquaculture consists of freshwater aquaculture and brackishwater/marine aquaculture.

Fisherman

Fisherman refers to an individual who takes part in fishing conducted from a fishing vessel, a floating platform or from shore. However, this does not include those fish processor or traders.

Vessel

Vessel is a boat/rowboat which is used for fisheries activities. There are two categories:

- (i) *Non-powered*
Refers to rowboat.
- (ii) *Powered*
Consists of outboard-powered and inboard-powered:
 - a) *Outboard-powered is a boat/rowboat using a portable engine.*

- b) Berjentera dalam iaitu bot yang menggunakan enjin tetap.

- b) *Inboard-powered is a boat using a static engine.*

Peralatan Menangkap Ikan

Peralatan menangkap ikan terdiri daripada pukot tunda, pukot tarik/jerut, pukot hanyut, pancing, belat-belat, bubu/perangkap, pukot bakul, pukot surung/tangguk, pukot rentang dan lain-lain.

Sistem Akuakultur

Sistem akuakultur terdiri daripada:

- (i) Sistem kolam
Sistem ternakan ikan di dalam kolam.
- (ii) Sistem sangkar
Sistem untuk menternak ikan di dalam suatu kepungan yang dibuat daripada apa-apa bahan saringan yang diikat pada struktur yang dilabuhkan pada dasar perairan sungai atau mana-mana tempat di darat.
- (iii) Sistem tangki
Sistem yang merupakan kepungan diperbuat daripada bahan pengadang, dilekatkan pada tiang yang ditanam ke dasar laut dan digunakan bagi maksud membesarkan atau menternak ikan.

Fishing Gears

Fishing gears consists of trawl nets, seine nets, drift/gill nets, hooks and lines, stakes, portable traps, bag nets, push/scoop/lift nets, barrier nets and others.

Aquaculture System

Aquaculture system consists of:

- (i) *Pond culture system*
The system of fish culture in ponds.
- (ii) *Cage culture system*
The system of fish culture in an enclosure on whatever shape or size made of any screening material and attached to floating structures which are anchored to the seabed.
- (iii) *Tank culture system*
The system of fish culture in tanks on land.

**PEMBUATAN, PEMBINAAN,
PERLOMBONGAN, KUASA
ELEKTRIK DAN AIR**

**MANUFACTURING,
CONSTRUCTION, MINING,
ELECTRICITY AND WATER**

Sektor Pembuatan:

Pembuatan ditakrifkan sebagai “perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang dijalankan oleh kuasa atau dijalankan oleh tangan, sama ada dijalankan dalam kilang atau di rumah pekerja, dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit”.

Manufacturing Sector:

Manufacturing is defined as “the physical or chemical transformation of materials or components into new products, whether the work is performed by power-driven machines or by hand, whether it is done in a factory or in the worker’s home, and whether the products are sold at wholesale or retail”.

Sektor Pembinaan

Pembinaan bermaksud “pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya.”

Construction Sector:

Construction refers to “new construction, alteration, repairs and demolition. Installation of any machinery or equipment which is built-in at the time of the original construction is included, as well as installation of machinery or equipment after the original construction but which requires structural alteration in order to install”.

Perangkaan yang dikemukakan di dalam seksyen ini merujuk kepada pembinaan yang menjalankan aktiviti pembinaan sebagai kegiatan utama.

The statistics given in this section refer establishments primarily engaged in construction activity.

Sektor Perlombongan & Pengkuarian

Perlombongan merupakan sebahagian daripada kategori “Perlombongan dan Pengkuarian”. Ia ditakrifkan sebagai “pengekstrakan, pembersihan dan pemanfaatan mineral-mineral semulajadi, berbentuk pepejal seperti arang batu dan bijih, cecair seperti minyak mentah dan berbentuk gas seperti gas asli. Perlombongan termasuk lombong bawah tanah dan lombong kegiatan tambahan untuk pembersihan dan pemanfaatan bijih dan mineral mentah lain seperti pemecahan, penapisan, pembasuhan, pembersihan, penggredan, pengilangan, pengapungan, pelaburan, penggentelan, pengkacipan dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi menyediakan bahan-bahan ini untuk membolehkannya dipasarkan. Aktiviti perlombongan juga dikelaskan kepada kumpulan-kumpulan berdasarkan mineral utama yang dikeluarkan.”

“**Pengkuarian batu** ditakrifkan sebagai pengekstrakan batu bangunan dan monumen, batuan untuk jalan dan batu baur konkrit, batu kapur, batu pasir, kuarzit, sabak, alunit, argilit, syal (batu lumpur), serpentinit, syenit, rionit, andesit, tuf, basalt, diorite, granodiorit, batu tembikar dan batu tukang dari bumi.”

Mining & Quarrying Sector

Mining is part of the Category of “Mining and Quarrying. It is defined as the “extraction, purification and utilization of natural minerals, solid such as coal and ores, as liquid as crude oil and gas such as natural gas. Mining including underground mines and surface mines, quarries and wells and all supplemental activities for dressing and use of raw ore and other minerals such as crushing, screening, washing, cleaning, grading, milling, flotation, melting, pelleting, topping and prepared-other arrangements necessary to provide these materials to enable it to market. Mining activities are classified into groups based on the principal mineral produced”.

“**Stone Quarrying** is defined as the extraction from the earth of building and monumental stones; rocks; for road metal and concrete aggregates; cement rock and dimension stone and other rock materials. It includes quarrying of granite,. Limestone, sandstone, quartzite, slate, allunite, argillite, shale (mudstone), serpentinite, syenite, rhyolite, andesite, tuff, basalt, diorite, granodiorite, pottery stone and masonry stone.”

Tenaga Elektrik

Pengelasan Edaran Tenaga Elektrik Mengikut Jenis Pengguna:

Pengelasan edaran mengikut jenis pengguna adalah berdasarkan kepada pengelasan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak. Jenis pengguna yang dikelaskan di bawah setiap kategori adalah seperti berikut:-

Kediaman

Pengguna yang menduduki rumah kediaman sendirian yang tidak digunakan sebagai hotel, rumah penginapan atau untuk sebarang perniagaan, perdagangan profesional atau perkhidmatan.

Perniagaan

Termasuk yang menduduki blok pejabat, kedai, gudang, restoran, sekolah, hotel, rumah penginapan, ladang, estet, pelabuhan, pemasangan alat-alat penyiaran dan telekomunikasi, panggung wayang, tempat-tempat hiburan, hospital, pemasangan angkatan tentera dan Kerajaan.

Perindustrian

Termasuk pengguna dalam perusahaan pengeluaran, kilang pecah batu, perlombongan dan pengguna yang menggunakan tenaga untuk tujuan mengepam air. Jumlah kuasa alat-alat lampu dan penghawa dingin yang digunakan dalam pejabat pula tidak harus melebihi dua puluh peratus (20%) dari jumlah kuasa semua peralatan elektrik dipasangkan.

Electricity

Classification of Distribution of Electricity by Type of Consumer:

The classification of distribution by type of consumer is based on the Sarawak Electricity Supply Corporation's classification. The type of consumer classified under each category are as follows:-

Domestic

A consumer occupying a private dwelling which is not used as a hotel, boarding house or used for the purpose of carrying out any business, trade, profession or service.

Commercial

Includes a consumer occupying an office block, shop, godown, restaurant, school, hotel, boarding house, farm, estate, port, broadcasting and telecommunication installation, cinema and entertainment location, military and Government installation and hospital.

Industrial

Includes a consumer who is engaged in an industrial operation such as the manufacturing, quarrying or mining business, and a consumer who utilises energy for the purpose of pumping water. The total wattage of lamps and air-conditioning equipment and plants installed for the purpose of office use shall not exceed twenty per cent (20%) of the total wattage of all installed electrical equipment and plants.

Lampu Awam dan Lampu Jalanraya

Termasuk majlis perbandaran dan kerajaan tempatan bagi tenaga digunakan seperti lampu jalanraya, lampu awam dan lain-lain tujuan umum.

Public and Street Lighting

Includes city or town councils and Local Government Authorities who utilise energy for street lighting and other general public lighting purposes.

PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN

Pengangkutan dan penyimpanan merujuk kepada penyediaan bagi pengangkutan penumpang atau muatan, sama ada berjadual atau tidak, melalui rel, saluran paip, jalan raya, air atau udara dan aktiviti yang berhubung kait seperti kemudahan terminal, pengendalian kargo, penyimpanan dan lain-lain. Termasuk juga penyewaan kelengkapan pengangkutan dengan pemandu atau operator dan juga perkhidmatan pos dan kurier.

PERKHIDMATAN PENGINAPAN

Perkhidmatan penginapan merujuk kepada penginapan jangka pendek untuk pelawat dan pelancong. Perkhidmatan penginapan meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan penginapan yang merangkumi hotel (termasuk resort), hotel bajet, pangsapuri khidmat, chalet, rumah rehat/rumah tetamu/hostel/*bed & breakfast*, tapak perkhemahan, taman rekreasi kenderaan, taman treler dan jenis penginapan yang lain di seluruh Malaysia.

SERVICES

TRANSPORTATION AND STORAGE SERVICES

Transportation and storage refers to provision of passengers or freight transport, whether scheduled or not, by rail, pipeline, road, water or air and associated activities such as terminal and parking facilities, cargo handling, storage, etc. Included are also renting of transport equipment with driver or operator and postal and courier services.

ACCOMMODATION SERVICES

Accommodation services refers to provision of short-stay for visitors and other travelers. Accommodation services covered all registered establishments engaged in the accommodation services including hotels (including resort hotels), budget hotels, services apartment, chalets, rest houses/guest houses, hostels, bed & breakfast, camping ground, recreational vehicle parks, trailer parks and other types of accommodation in Malaysia.

PERKHIDMATAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi merujuk kepada penyediaan produksi dan pengedaran maklumat dan produk kebudayaan sertak peruntukan untuk menghantar atau mengedar produk tersebut seperti data atau komunikasi, aktiviti teknologi maklumat dan prosesan data dan aktiviti perkhidmatan maklumat yang lain. Termasuk dalam perkhidmatan ini ialah aktiviti penerbitan, wayang gambar, pengeluaran video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik, pemrograman dan penyiaran, telekomunikasi, penaturcaraan computer, perundingan dan aktiviti berkaitan dan aktiviti perkhidmatan maklumat.

PERKHIDMATAN HARTANAH

Perkhidmatan hartanah merujuk kepada aktiviti seperti pemberi pajak, agen dan/atau broker di dalam satu atau lebih daripada penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah atau bertindak sebagai agen hartanah escrow. Aktiviti ini mungkin dijalankan diatas hartanah milikan sendiri atau pajakan dan mungkin berlaku atas dasar bayaran atau kontrak.

INFORMATION AND COMMUNICATION SERVICES

Information and communication refers to production and distribution of information and cultural products, the provision of the means to transmit or distribute these products, as well as data or communications, information technology activities and the processing of data and other information services activities. These services include publishing activities, motion picture, video and television programme production, sound recording and music publishing activities, broadcasting and programming activities, telecommunications, computer programming, consultancy and related activities and information services activities.

REAL ESTATE SERVICES

Real estate services refers to activities acting as lessors, agents and/or brokers in one or more of selling or buying real estate, renting real estate, providing other real estate services such as appraising real estate or acting as real estate escrow agents. These activities may be carried out on own or leased property and may be done on a fee or contract basis.

**PERKHIDMATAN PROFESIONAL,
SAINTIFIK DAN TEKNIKAL**

Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal merujuk kepada aktiviti penyediaan atau memerlukan tahap latihan yang tinggi dan menjadikan pengetahuan dan kemahiran khusus tersedia kepada pengguna. Perkhidmatan ini termasuk aktiviti guaman, aktiviti perakaunan, aktiviti ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti arkitek dan kejuruteraan, ujian teknikal dan analisis, penyelidikan dan pembangunan saintifik, pengiklanan dan penyelidikan pasaran, aktiviti profesional, saintifik dan teknikal lain dan aktiviti veterinar.

**PROFESSIONAL, SCIENTIFIC AND
TECHNICAL SERVICES**

Professional, scientific and technical services refers to activities providing or require a high degree of training, and make specialized knowledge and skills available to users. These services includes legal and accounting activities, activities of head offices, management consultancy activities, architectural and engineering activities, technical testing and analysis, scientific research and development, advertising and market research, other professional, scientific and technical activities and veterinary activities.

**PERKHIDMATAN PENTADBIRAN
DAN SOKONGAN**

Perkhidmatan pentadbiran dan sokongan termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan. Ini melibatkan aktiviti sewaan dan pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan, aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan dan penyiasatan, aktiviti perkhidmatan kepada bangunan dan lanskap dan aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat dan perniagaan lain.

**ADMINISTRATIVE AND SUPPORT
SERVICES**

Administrative and support services includes a variety of activities that support general business operations. This includes rental and leasing activities, employment activities, travel agency, tour operator and other reservation service activities, security and investigation activities, services to buildings and landscape activities, office administrative, office and other business support activities.

PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Perkhidmatan pendidikan termasuk pendidikan pada mana-mana peringkat atau untuk mana-mana profesion, secara lisan atau penulisan dan juga melalui siaran radio dan televisyen atau saluran komunikasi lain yang bersamaan dengannya. Ia termasuk system persekolahan biasa pelbagai peringkat yang dilaksanakan oleh institusi yang berlainan dan juga pendidikan dewasa, program literasi dan lain-lain. Ia termasuk pendidikan pra-sekolah & rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi dan pendidikan lain.

EDUCATION SERVICES

Education services include education at any level or for any profession, oral or written as well as by radio and television or other means of communication. It includes education by the different institutions in the regular school system at its different levels as well as adult education, literacy programmes, etc. This includes pre-primary & primary education, secondary education, higher education and other education.

PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN KERJA SOSIAL

Perkhidmatan kesihatan dan kerja sosial merujuk kepada aktiviti bermula daripada penjagaan kesihatan yang disediakan oleh profesional perubatan terlatih di hospital dan kemudahan lain sehinggalah kepada aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti penjagaan kesihatan kepada kerja sosial tanpa penglibatan professional dalam penjagaan kesihatan. Ini termasuklah aktiviti hospital, aktiviti amalan perubatan & pergigian, aktiviti kesihatan kemanusiaan lain, aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan.

HEALTH AND SOCIAL WORK SERVICES

Health and social work services refers to activities starting from health care provided by trained medical professionals in hospitals and other facilities, over residential care activities that still involve a degree of health care activities to social work activities without any involvement of health care professionals. This includes hospital activities, medical & dental practice activities, other human health activities, residential care activities and social work activities without accommodation.

PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI

Jalan Raya:

Data berkenaan panjang jalan raya yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya dikelaskan mengikut jalan yang diubin, jalan kerikil dan jalan tanah. Jadual ini juga menunjukkan maklumat jalan raya mengikut bidang kuasa Kerajaan Pusat dan Negeri.

Kenderaan Bermotor yang Berdaftar:

Data tentang bilangan kenderaan bermotor yang berdaftar diperoleh dari Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

Perangkaan Lalulintas Udara:

Malaysia Airports Sendirian Berhad menyediakan data berkenaan penerbangan, bilangan penumpang yang berlepas/mendarat dan jumlah kargo dan mel yang diuruskan di lapangan terbang.

Maklumat ini hanya berkaitan dengan semua data mengenai aktiviti penerbangan perdagangan. Manakala data tentang bagasi penumpang, muatan diplomatik, stor kapal terbang dan kargo transit tidak dimasukkan.

TRANSPORT AND COMMUNICATIONS

Roads:

Data on road mileage provided by the Public Works Department are classified into paved, gravel and earthen roads. The table also highlights information on the jurisdiction of roads by the Federal and State Governments.

Motor Vehicles Registered:

Data on the number of motor vehicles registered are obtained from the Road Transport Department, Malaysia.

Air Traffic Statistics:

Malaysia Airports Sendirian Berhad provides data on flight movements, the number of passengers embarked/disembarked and the volume of cargo and mail handled at the airports.

This information is only in respect of all commercial flight activities. Data on passengers' baggages, diplomatic freights, aircraft stores and transit cargo are however excluded.

Definisi yang digunakan:

1. Satu penerbangan merujuk kepada pendaratan atau pelepasan oleh sesebuah kapal terbang untuk satu penerbangan. Pendaratan dan kemudiannya penerbangan dengan kapal terbang yang sama dikirakan sebagai dua penerbangan.
2. Penumpang yang turun/naik merujuk kepada semua penumpang bukan transit yang tiba atau bertolak dari Sarawak.

Perangkaan Perkapalan:

Data tentang ketibaan dan keberangkatan kapal termasuk muatan yang diisi/dipunggah di pelabuhan utama Sarawak adalah disediakan oleh Jabatan Laut dan Lembaga-Lembaga Pelabuhan di Sarawak.

Perangkaan Pos:

Data termasuk barang-barang pos yang diuruskan serta setem dan bungkusan yang dibekalkan oleh Pos Malaysia Berhad, Kawasan Sarawak.

Definitions of terms used:

1. *A flight refers to a landing or take-off by an aircraft on a commercial flight. A landing and subsequent take-off by the same aircraft is counted as two flights.*
2. *Incoming/outgoing passengers refer to all non-transit passengers who arrived at or departed from Sarawak.*

Shipping Statistics:

Data on the arrivals and departures of vessels plus cargo loaded/discharged at Sarawak principal ports are provided by the Marine Department and the various Port Authorities in Sarawak.

Postal Statistics:

Data included are number of postal articles handled and postage stamps and parcels are supplied by Pos Malaysia Berhad, Sarawak Region

Lain-Lain:

Data tentang bilangan waktu penyiaran dibekalkan oleh Jabatan Penyiaran, Sarawak.

Data purata edaran harian yang dilaporkan adalah merujuk kepada jualan akhbar-akhbar berikut di Sarawak:-

See Hua Daily News, International Times, Berita Petang Sarawak, Malaysia Daily News, United Daily News, Sin Chew Jit Poh, Utusan Sarawak, The Sarawak Tribune, The Borneo Post dan Utusan Borneo.

Others:

Data on the number of broadcasting hours are supplied by Broadcasting Department, Sarawak.

The average daily circulation figures reported refer to the sales of the following newspapers in Sarawak:-

See Hua Daily News, International Times, Berita Petang Sarawak, Malaysia Daily News, United Daily News, Sin Chew Jit Poh, Utusan Sarawak, The Sarawak Tribune, The Borneo Post and Utusan Borneo.

KEWANGAN

Hasil dan Perbelanjaan Kerajaan

Data hasil dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Sarawak, manakala data hasil dan perbelanjaan Kerajaan Negeri disediakan oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Sarawak.

Data hasil dan perbelanjaan bagi Majlis-Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah pula dibekalkan oleh Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam, Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Lembaga Kemajuan Bintulu.

Cukai-Cukai

Data yang diberikan merujuk kepada cukai import dan eksport, cukai jualan, cukai eksais dan cukai perkhidmatan yang telah dipungut oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia, Cawangan Sarawak.

Simpanan Biasa

Data yang disediakan oleh Bank Simpanan Nasional, Malaysia, menunjukkan bilangan akaun biasa dan jumlah disimpan dan dikeluarkan.

FINANCE

Government Revenue and Expenditure

Data on Federal Government revenue and expenditure are provided by the Federal Accounting Unit, Sarawak Branch, whereas data on State Government revenue and expenditure are provided by State Financial Secretary Office, Sarawak.

Data on Municipal and District Council revenue and expenditure are provided by Ministry of Environment and Public Health, Sarawak, Commission of the City of Kuching North, Council of the City of Kuching South and Bintulu Development Authority.

Taxes

Data given refer to import and export duties, sales tax, excise and service tax collected by Royal Customs Department Malaysia, Sarawak Branch.

Saving Accounts

Data are provided by Bank Simpanan Nasional, Malaysia, highlighting the number of saving accounts and amounts deposited and withdrawn.

AKAUN NEGARA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

KDNK adalah ukuran nilai keluaran oleh semua unit pengeluaran bagi residen sesebuah negara dalam tempoh tertentu, sebelum ditolak peruntukan untuk penggunaan modal tetap.

Tiga pendekatan yang boleh digunakan untuk mengukur KDNK ialah pengeluaran, perbelanjaan dan pendapatan. Namun begitu, penerbitan ini hanya membentangkan kaedah pengeluaran dan perbelanjaan sahaja.

KDNK berdasarkan pendekatan pengeluaran ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak dengan harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak peruntukan bagi penggunaan modal tetap.

Sementara itu, KDNK berdasarkan pendekatan perbelanjaan ialah jumlah akhir perbelanjaan pada harga pembeli ditolak nilai f.o.b. import barangan dan perkhidmatan.

NATIONAL ACCOUNTS

GROSS DOMESTIC PRODUCT

GDP is a measurement of production by the entire production unit, which is resident in a country for a certain period before deducting allowances for consumption of fixed capital.

Three approaches which can be used to measure GDP are production approach, expenditure approach and income approach. However, this publication only presents production and expenditure approaches.

GDP based on the production approach is the total value of goods and services produced within a given period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production but before deducting allowances for the consumption of fixed capital.

Meanwhile, GDP based on expenditure approach is the total final expenditures at purchasers' prices less the f.o.b. value of imports of goods and services.

PENILAIAN TRANSAKSI

Semua transaksi dinyatakan dalam nilai harga malar dalam RM pada tahun 2010.

Dengan menyatakan KDNK pada harga malar, kesan inflasi dapat disisihkan daripada pengukuran tersebut.

Input Perantaraan

Input perantaraan adalah nilai barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam pengeluaran. Ia termasuk bahan-bahan dan perkhidmatan selain daripada yang dibayar untuk gaji dan upah. Susutnilai modal dan bayaran faedah bersih juga bukan input perantaraan.

Output Kasar

Output kasar adalah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Ianya dinilai dalam nilai pengeluar termasuk cukai tidak langsung yang dibayar oleh pengeluar berkenaan.

Nilai Ditambah

Nilai ditambah adalah perbezaan di antara output kasar dan input perantaraan. Ia merupakan tambahan kepada nilai ditambah terhadap barang dan perkhidmatan hasil daripada aktiviti perindustrian. Oleh itu, ia hampir sama kepada untung perdagangan, gaji dan upah, susutnilai dan cukai tidak langsung, campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

VALUATION OF THE TRANSACTIONS

The transactions are expressed in constant 2010 prices values.

By expressing GDP in constant prices, the effects of inflation are removed from the measures.

Intermediate Input

Intermediate input is the value of goods and services used in production. It includes cost of materials and services other than salaries and wages. Depreciation of capital and net interests paid are excluded.

Gross Output

Gross output is the value of goods and services produced. It is expressed in producers' values including indirect taxes by the producer.

Value Added

Value added is the difference between gross output and intermediate input. It represents the additional value added by an industrial activity to goods and services. Hence, it is approximately equivalent to commercial profit, salaries and wages, depreciation and indirect taxes plus interest paid less interest received.

Cukai Tidak Langsung

Ada dua bentuk cukai dalam perakaunan negara:

- cukai tidak langsung yang dianggap sebagai kos pengeluaran, dan dengan itu, ia dijumlahkan dalam nilai barang dan perkhidmatan dan;
- cukai langsung, iaitu cukai ke atas keuntungan atau pendapatan dan ini merupakan pengagihan semula pendapatan daripada sektor swasta kepada kerajaan.

Cukai tidak langsung dianggap sebagai sebahagian daripada komponen nilai ditambah. Ia termasuk cukai jualan, cukai nilai ditambah, cukai eksais, cukai pintu, ses dan lain-lain. Cukai pendapatan merupakan cukai langsung yang utama di Malaysia.

Indirect Taxes

In national accounting, taxes take two forms;

- *indirect taxes which are regarded as a cost of production and hence added to the value of goods and services, and*
- *direct taxes, which are taxes on profits or incomes and constitute a redistribution of income from the private sector to the government.*

Indirect taxes are regarded as a constituent part of value added. They include sales tax, value added taxes, excise duties, quit rent, cess, etc. Income tax is the most significant direct tax in the Malaysian context.

**PERANGKAAN KETIBAAN DAN
KEBERANGKATAN**

Perangkaan ketibaan dan keberangkatan adalah disusun daripada reten bulanan ketibaan dan keberangkatan yang dibekalkan oleh Jabatan Imigresen Sarawak.

Perangkaan ini dipungut oleh Pegawai-Pegawai Imigresen yang bertugas di tempat-tempat pintu masuk/keluar Imigresen di seluruh negeri Sarawak. Termasuk adalah kesemua ketibaan/keberangkatan untuk apa sahaja tujuan. Termasuk pelawat sementara yang tidak menginap walaupun satu malam di Sarawak dan kewarganegaraan Malaysia yang tinggal di Sarawak.

**ARRIVAL AND DEPARTURE
STATISTICS**

Arrival and departure statistics are compiled based on the arrival and departure monthly returns provided by the Immigration Department Sarawak.

These statistics are obtained by the Immigration Officers stationed at all the various immigration entry/exit points in Sarawak. Included are all arrivals/departures for whatever purposes. Day trippers and Malaysians residing in Sarawak are also included.

PELBAGAI

Koperasi

Maklumat koperasi didaftarkan adalah disediakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi, Sarawak.

Keahlian bagi koperasi di peringkat asas terdiri daripada orang individu sahaja; manakala keahlian bagi koperasi di peringkat menengah terdiri daripada orang individu dan koperasi.

Perkahwinan dan Perceraian Berdaftar

Data perkahwinan dan perceraian berdaftar bagi orang yang beragama Islam adalah dibekalkan oleh Majlis Islam, Sarawak. Manakala data perkahwinan berdaftar bagi orang yang bukan beragama Islam adalah dibekalkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Cawangan Sarawak. Bilangan perceraian berdaftar bagi orang yang bukan beragama Islam adalah merujuk kepada petisyen bagi perceraian di Mahkamah Tinggi.

Pengundi yang Berdaftar

Data adalah merujuk kepada maklumat terkini yang dibekalkan oleh Pejabat Pilihanraya Negeri Sarawak.

MISCELLANEOUS

Co-operative Societies

Information on registered co-operative societies is supplied by Co-operative Development Department, Sarawak.

Members of the primary co-operative societies comprised of individual persons only; whereas members of the secondary co-operative societies comprised of both individual persons and co-operative societies.

Registered Marriages and Divorces


Data on registered marriages and divorces for the Muslims are obtained from the Majlis Islam Sarawak. Whereas data on registered marriages for the non-Muslims are obtained from the National Registration Department, Sarawak Branch. Number of registered divorces for non-Muslims refer to petitions for dissolution of marriages in the High Court.

Registered Voters

Data refer to the latest information supplied by State Election Office, Sarawak.

PETA MENUNJUKKAN SEMPADAN DAERAH PENTADBIRAN, SARAWAK 2010

MAP SHOWING BOUNDARIES OF ADMINISTRATIVE DISTRICTS, SARAWAK 2010



SUMBER: LAPORAN KIRAAN PERMULAAN BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN 2010